

SOALAN NO. : 134

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 26 MEI 2016 (ISNIN)

NO. RUJUKAN : DR25

SOALAN:

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kerajaan berhasrat memperdalam muara Sungai Kelantan yang terletak di Kuala Besar sebagai langkah pencegahan banjir besar melanda.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan untuk mendalamkan muara Sungai Kelantan yang terletak di Kuala Besar melalui Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan Fasa I, yang telah diluluskan dalam RMKe-11 dengan kos sebanyak RM 572 juta. Kerja mendalamkan muara tersebut bertujuan membuang mendapan kelodak dan beting pasir bagi membentuk semula profil hidraulik di muara untuk membolehkan aliran sungai yang lancar ke laut.

Sekian, terima kasih.